

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]
TARIKH : 17 JUN 2015
SOALAN :

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a. Kesiapsiagaan Kementerian daripada aspek peralatan seperti kemudahan klinik bergerak bagi menangani kes-kes kecemasan terutamanya sewaktu bencana ; dan
- b. Apakah langkah penambahbaikan yang bakal dilaksanakan bagi kelancaran perkhidmatan kesihatan sewaktu bencana.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memastikan perkhidmatan akan dapat terus diberikan dalam apa jua keadaan termasuk semasa bencana banjir. Justeru itu persediaan sebelum berlaku banjir seperti mengenal pasti pusat pemindahan, anggota yang akan bertugas di pusat-pusat pemindahan, keperluan peralatan dan perkhidmatan yang perlu diberikan telah dirancang

dengan rapi. Perkhidmatan yang diberikan bukan sahaja menangani kes-kes kecemasan tetapi juga memberikan perkhidmatan dalam pencegahan penyakit dalam kalangan mangsa bencana. Pihak KKM telah memberikan senarai nama pegawai kanan KKM kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk dihubungi jika berlaku sebarang kejadian bencana.

KKM mempunyai Garis Panduan Pengurusan Banjir (GPPB) Tahun 2009 dimana ia mengariskan tindakan yang perlu dilakukan iaitu sebelum, semasa dan selepas banjir. Di dalam GPPB tersebut menyatakan jika berlaku banjir di dua negeri atau lebih pada sesuatu masa maka Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat KKM (JPBP KKM) yang beroperasi di *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan akan diaktifkan. Dalam GPPB juga menyatakan tindakan yang perlu dilakukan sebelum banjir ialah menyediakan jadual petugas bilik gerakan, pasukan perubatan, pasukan kesihatan, peralatan, ubat-ubatan, alat perlindungan diri (*Personal Protection Equipment - PPE*) dan aset.

Dalam kejadian banjir pada akhir 2014 hingga awal Tahun 2015 yang lalu KKM telah mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat KKM yang beroperasi di CPRC Kebangsaan. Semasa kejadian tersebut CPRC Kebangsaan telah menjadi Bilik Gerakan yang menyelaraskan semua aktiviti peringkat kebangsaan termasuk mobilisasi 2,417 anggota kesihatan, 196 orang sukarelawan daripada anggota kesihatan dan 105 orang sukarelawan (NGO), mengurus keperluan logistik di darat dan udara iaitu 14 buah generator, lima (50 generator mudah alih, 28,710 liter bahan api disel, ubatan, makanan dan 394 balang oksigen. Pasukan klinik bergerak diaktifkan dari kawasan sekitar

negeri-negeri yang terlibat banjir ke kawasan-kawasan yang terjejas perkhidmatan.

Fenomena banjir berlaku pada tahun lepas adalah luar biasa kerana fasiliti kesihatan sendiri telah terjejas dan gagal berfungsi serta ramai anggota kesihatan juga terlibat.

Usaha penambahbaikan yang dilakukan oleh KKM ialah dengan penubuhan tiga Jawatankuasa peringkat KKM untuk mengumpul maklumat berkaitan aktiviti pemulihan banjir. Tiga Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Pengurusan Banjir Harian, Jawatankuasa Pembangunan Semula Fasiliti Kesihatan dan Jawatankuasa Induk Ianya akan dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan untuk mengenal pasti penyelesaian untuk mengekalkan kefungsi hospital dan klinik kesihatan semasa bencana. Contohnya keputusan telah dibuat semasa bencanaitu ialah untuk meningkatkan kapasiti generator set dan bekalan air bersih di hospital untuk keperluan dari empat (4) hari kepada dua (2) minggu. Faktor-faktor ini adalah kritikal untuk mengekalkan kefungsi berdasarkan pengalaman Hospital Kuala Krai. Contoh kedua yang dikenalpasti ialah mengadakan alat komunikasi yang lebih efisien kerana perhubungan semasa bencana yang lalu alat telefon selular turut terjejas.